

PENKALAN CHEPA, 11 Jun - Kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat di bawah telunjuk Barisan Nasional ternyata tidak menghormati semangat Federalisma yang membahagikan kuasa kerajaan negeri dan persekutuan.

Presiden PAS dalam ucapannya berkata, walaupun PAS telah berjaya memerintah Kelantan, pernah memerintah di Terengganu dan Perak, dan terkini memimpin kerajaan di Kedah, di samping menyertai kerajaan campuran di Selangor dan Pulau Pinang, PAS mencuba sedaya upaya melaksanakan Islam mengikut bidang kuasa kerajaan negeri.

"Namun kita terpaksa menghadapi tekanan dan kepungan secara terbuka dan halus daripada Kerajaan Barisan Nasional," jelas beliau.

Tambahan, pelbagai peristiwa yang berlaku jelas membuktikan Kerajaan Barisan Nasional telah dengan sengaja menafikan hak dan membelakangkan hak rakyat, bahkan pentadbiran dan urusan yang menjadi hak kerajaan negeri tidak dihormati.

"Mereka bukan sahaja tidak menghormati perjanjian yang dimeterai tetapi bertindak melanggar perjanjian terutamanya dalam perampasan hasil bumi dalam bentuk royalti minyak di Kelantan dan Terengganu," ujarnya.

Menyedari hal ini, Presiden PAS melalui ucapan dasarnya itu menyatakan pendirian PAS yang tidak bersetuju dengan segala bentuk kezaliman yang dilakukan terhadap rakyat dan berjanji untuk melakukan perubahan struktur pemerintahan dan pentadbiran yang lebih adil di peringkat negeri dan persekutuan sekiranya diberikan amanah oleh rakyat dalam pilihanraya yang akan datang.

"Hasilnya, rakyat akan lebih dibela dan diiktiraf oleh kerajaan yang dipilih oleh mereka sendiri, ujarnya lagi.

Beliau mengakhiri ucapannya dengan menyeru agar setiap ahli menjadikan istiqamah sebagai suatu contoh, bahawa perjuangan yang dibawa ini adalah suatu tanggungjawab yang mempunyai kaitan antara dosa dan pahala.